

# Pendakwa dakwa kes liwat tiada kaitan konspirasi politik

BH 13 APR 2000

KUALA LUMPUR, Rabu – Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail memberitahu mahkamah hari ini, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai forum lain bagimenyelesaikan apa yang didakwa ada komplot untuk menjatuhkannya sebagai pemimpin kerajaan dan parti.

Katanya, bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak boleh menggunakan percakapan kes liwatnya terhadap Azizan Abu Bakar untuk membuat dakwaan itu.

“Konspirasi politik seperti yang didakwa oleh Datuk Seri Anwar untuk menjatuhkannya tidak mempunyai kaitan langsung dengan kes yang sedang dibicarakan di mahkamah ini.

“Apa yang perlu ditunjukkan oleh pembelaan dalam kes ini, ada konspirasi untuk mereka cipta keterangan dan ia perlu mempunyai kaitan dengan Perdana Menteri.

“Jika pembela gagal untuk menunjukkan konspirasi itu, keterangan Perdana Menteri yang ingin dikemukakan dalam percakapan kes ini tidak mempunyai kaitan

langsung,” katanya.

Abdul Gani mengemukakan hujah balas berhubung sama ada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu hadir ke mahkamah sebagai saksi pembela.

Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja ingin memanggil Dr Mahathir sebagai saksi mereka untuk menyokong kes pembelaan.

Bagaimanapun, pendakwa membantah permohonan itu dengan alasan keterangan yang ingin dikemukakan oleh Dr Mahathir tidak mempunyai kaitan dengan kes liwat berkenaan.

Sehubungan itu, Hakim Datuk Ariffin Jaka memberi pilihan kepada pembela supaya mengemukakan keterangan secara lisan atau affidavit untuk menunjukkan keterangan Dr Mahathir itu mempunyai kaitan dengan kes berkenaan.

Pada 9 Mac lalu, Anwar mengemukakan affidavit setebal 10 halaman yang menyatakan 19 alasan mengenai kaitan keterangan Dr Mahathir pada percakapan itu.

Dr Mahathir menjawab balik affidavit itu dan memo-

hon mahkamah supaya mengetepikan sapina yang dikeluarkan terhadapnya.

Sebelum itu, pada 18 Februari lalu, Ariffin memerintahkan pembelaan menunjukkan bahawa keterangan Dr Mahathir itu mempunyai kaitan dengan kes itu sebelum memanggil Perdana Menteri sebagai saksi.

Abdul Gani berhujah lagi bahawa mahkamah tidak perlu mengambil kira pandangan Dr Mahathir yang dibuat di akhbar mengenai dakwaan Azizan diliwat Anwar.

Katanya, mahkamah perlu menimbang fakta yang mempunyai kaitan dengan kes berkenaan di akhir percakapan dan bukan pandangan seseorang yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan kes yang dibicarakan itu.

Peguam bela Anwar, Karpal Singh berhujah Dr Mahathir adalah saksi penting yang perlu dipanggil untuk memberi keterangan dalam kes ini berdasarkan kandungan affidavit yang difailkan di mahkamah.

Katanya, walaupun pendakwa tidak memanggil Dr

Mahathir sebagai saksi, mahkamah mempunyai tanggungjawab memanggilnya memberi keterangan demi keadilan.

Karpal berhujah kandungan affidavit Dr Mahathir itu meunjukkan keterangan Perdana Menteri mempunyai kaitan dengan kes liwat itu dan ia dapat membantu kes pembelaan.

Sehubungan itu, katanya, mahkamah perlu menggunakan kuasanya untuk memanggil Dr Mahathir sebagai saksi bagi memberi keterangan dalam percakapan itu.

Sementara itu, Ariffin mengingatkan Anwar supaya tidak lagi mengganggu percakapan yang sedang dijalankan itu.

Katanya, mahkamah akan mengambil tindakan menghinakan mahkamah terhadap Anwar jika enggan duduk seperti yang diperintah.

Ariffin membuat ingatan itu selepas Anwar secara tiba-tiba bangun dan dengan nada tinggi bertanyakan sama ada beliau (Ariffin) diberi arahan untuk membuat keputusan berhubung kehadiran Dr Mahathir.

Anwar yang enggan duduk walaupun berulang kali diperintah berbuat demikian terus menanyakan Ariffin supaya mengesahkan bahawa arahan sudah dikeluarkan untuk membuat keputusannya.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 1 O-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan perbuatan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

Percakapan bersambung esok.